



**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 5/1973**

*Tanah Yang Diambil Balik Untuk Kegunaan Persekutuan*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan dengan tujuan menasihatkan Pemungut-Pemungut hasil Tanah mengenai kedudukan tanah yang telah menjadi tanah Kerajaan selepas pengambilan baliknya di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 untuk kegunaan Persekutuan.

2. Pengambilan balik tanah untuk kegunaan Persekutuan dijalankan oleh Pihak berkuasa Negeri menurut Perkara 83(5) Perlembagaan dan di bawah peraturan-peraturan sekarang semua pampasan yang dibayar kepada tuanpunya tanah adalah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Memandang kepada peraturan-peraturan yang demikian, maka adalah adil jika Pemungut-pemungut Hasil Tanah tidak menggunakan kuasa-kuasa di bawah seksyen 66(a) atau 71(a) Kanun Tanah Negara untuk mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara ataupun membenarkan kutipan batu pasir dan lain-lain (rock material) daripada tanah tersebut, kecuali dengan persetujuan Pihak Berkuasa Persekutuan.

3. Adalah dinasihatkan, tiap-tiap permohonan untuk Lesen Tumpangan Sementara di atas mana-mana tanah yang telah menjadi tanah Kerajaan selepas pengambilan baliknya untuk kegunaan Persekutuan patut dirujuk ke Pejabat ini untuk mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Persekutuan.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan*

P.T.TM 92/70 S.K.1(8)

Kuala Lumpur,  
24hb Mei, 1973